



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 16 NOVEMBER 2018**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAHA 2018, MUKA UTAMA, SINAR HARIAN -1	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
2.	UPM SAHKAN BAMBU KERBAU ALBINO, SETEMPAT, HARIAN METRO -26	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
3.	30 PESAWAH TARIK NAFAS LEGA, SINAR HARIAN -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/11/2018	SINAR HARIAN	MUKA UTAMA	1

MAHA 2018
 Malaysia Agriculture, Horticulture & Agrotourism Show

22 November - 2 Disember 2018
MAEPS Serdang
 10.00 pagi - 7.00 malam

AGRO TEKNOLOGI

OUR FOOD OUR FUTURE
 Makanan Kita Masa Depan Kita

FROM LAB TO TABLE


Disajikan oleh:

Diselenggarakan oleh:

Diselenggarakan oleh:

f @MAHA2018my | #MAHA2018 #ourfoodourfuture

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/11/2018	HARIAN METRO	SETEMPAT	26



MOHD Firdaus Maidin bersama Bambu.

UPM sahkan bambu kerbau albino

Marang: Teka-teki berhubung status seekor haiwan yang disangka kacukan kerbau dan lembu baka Charolais di Kampung Tebakang, Bukit Payong, di sini terjawab apabila Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu mengesahkan haiwan itu ialah kerbau albino.

Pengarah JPV Terengganu Dr Mohd Termizi Ghazali berkata, pihaknya menerima laporan tidak rasmi berhubung keputusan ujian darah dibuat ke atas seekor haiwan digelar bambu yang disangka kacukan kerbau

dan lembu itu.

“Mengikut ujian darah dijalankan, haiwan ini disahkan hanya mempunyai DNA kerbau dan tiada gen lembu seperti didakwa pemiliknya.

“JPV memang menjangka keputusan ujian darah yang dijalankan lebih dua bulan di Universiti Putra Malaysia (UPM) itu.

“Mengikut teori sains biologi, gabungan kerbau dan lembu mustahil berlaku kerana dua haiwan ini mempunyai kromosom berbeza,” katanya.

Menurutnya, berdasarkan

kepada fitrah dan sains, kacukan lembu serta kerbau tidak akan menghasilkan anak walaupun secara semula jadinya boleh berlaku persenyawaan di antara kedua-dua haiwan itu.

“Apabila memperoleh keputusan terhadap ujian darah ini, ia membuktikan kes seperti didakwa ini memang tidak berlaku.

“Berkemungkinan ibu kepada bambu ini sudah mengandung ketika dikurung bersama lembu jantan charolais ini tetapi tidak disedari penternaknya,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/11/2018	SINAR HARIAN	ONLINE	

30 pesawah tarik nafas lega



KAMPUNG RAJA - Seramai 30 pesawah di Gong Machang dekat Kampung Pengkalan Kubor, di sini, menarik nafas lega apabila masalah tanaman padi mereka yang ditenggelami air hampir seminggu berjaya diatasi.

Salah seorang pesawah, Mohd Amri Khalid, 47, berkata, keseluruhan kawasan sawah seluas 48 hektar di situ digenangi sejak hujan lebat minggu lepas.

Menurutnya, paling merisaukan pesawah kerana pokok padi sudah sampai masa untuk dituai namun susulan hujan lebat dan tidak ada parit menyebabkan sawah tenggelam.

"Daripada 48 hektar yang terlibat itu sebanyak 15.8 hektar telah dituai namun seluas 32.2 hektar belum sempat dituai ketika hujan lebat minggu lepas," katanya.

Mohd Amri berkata demikian ketika mengiringi Pengerusi Jawatankuasa Keusahawanan, Industri Mikro dan Hal Ehwal Penjaja negeri merangkap Adun Kota Putera, Mohd Nurkhuzaini Ab Rahman yang melawat kawasan terbabit, kelmarin.

Katanya, penduduk resah kerana bukan sahaja bakal berdepan kerugian tetapi akan hilang pendapatan khususnya penduduk yang bergantung kepada tanaman tersebut.

"Kami mengucapkan terima kasih kepada Mohd Nurkhuzaini yang telah menyediakan sebuah jentolak untuk membuat parit bagi mengeluarkan air bertakung," katanya.

Mohd Amri berkata, air kering sepenuhnya dalam tempoh dua hari selepas parit digali di kawasan rendah dan kerja penuaian pagi disambung bermula semalam.

Sementara itu Mohd Nurkhuzaini berkata, idea menggali parit bagi laluan air keluar sepanjang kira-kira 30 meter berjaya mengatasi masalah air termenung di sawah itu selama lima hari.

Kata beliau, ia dapat menyelamatkan padi di kawasan tersebut daripada mengalami kerosakan dan kerja menuai kini dapat diteruskan.

"Ini adalah langkah sementara dan kita berusaha mencari peruntukan untuk membuat sistem perparitan dan pengairan yang lebih baik," katanya.

Beliau turut mengucap tahniah kepada Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Pengkalan Kubor yang turut berusaha keras dalam membantu menyelesaikan masalah tersebut.